

bah

MAHATHIR: FAHAM MAKSUD SEBENAR DEMOKRASI

Mahathir - Umno

i

KUALALUMPUR, 11Okt (Bernama) -- **Presiden** Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa para pemimpin parti supaya memahami maksud sebenar demokrasi bagi memastikan kedudukan parti sentiasa kukuh.

Beliau mengingatkan mereka bahawa Umno akan hancur setiap kali diadakan pemilihan jika prinsip demokrasi tidak difahami kerana yang kalah akan meninggalkan parti atau enggan memberikan sokongan kepada pemimpin baru.

+Kita mahukan seluruh parti bersatu tenaga dan bukannya yang menang sahaja untuk mengekalkan keutuhan Umno, + kata beliau pada Malam Perpaduan Umno Bahagian Kota Bharu disini, malam ini.

Katanya, perpecahan yang berlaku dalam Umno adalah kerana masih ada golongan yang tidak memahami erti sebenar demokrasi hingga sanggup mengheret parti ke mahkamah kerana enggan menerima keputusan anggota.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Ketua Perhubungan Umno Kelantan, mengingatkan para pemimpin parti di semua peringkat supaya tidak menganggap jawatan yang dipegang sebagai hak sendiri hingga enggan menerima kepimpinan orang lain. --Lagi.

♥12/10/00-14MST

CNS7821

R GB 12-10 00156 BH084

bah

Mahathir - Umno 2 Kuala Lumpur

Mengenai pemilihan anggota Majlis Tertinggi pada tahun 1993 beliau berkata pertandingan boleh diadakan asalkan barisan parti dapat disatu dan dikukuhkan selepas itu.

Perdana Menteri berkata beliau sedar sekarang, inipun kempen sudah diadakan di kalangan pemimpin tertentu sehingga sanggup menggunakan penulis upahan bagi memburuk-burukkan pemimpin lain.

Mengenai kekalahan Umno di Kelantan padapilihanraya umum tahun lepas, beliau berkata anggota parti perlu mengkaji sebab-sebab kekalahan itu bagi mempastikan ia tidak berulang.

+Kalau kita tidak kaji kenapa kita kalah, kita akan terus kalah dan kita akan terus menyalahkan orang lain tanpa mengambil kira kesalahan kita sendiri. Kekalahan Umno adalah kerana Umno sendiri, + kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir kesal kerana dalam pilihan raya kecil yang diadakan di Kelantan Umno terus kalah akibat tindakan golongan tertentu dalam parti yang enggan memberi sokongan kepada calon sendiri tanpa menghiraukan kepentingan parti. -- Lagi

♥12/10/00-19MST

CNS7822

R GB 12-10 00103 BH085

bah

Mahathir - Umno 3 Kuala Lumpur

Beliau juga sedih kerana ada anggota Umno di Kelantan yang enggan menerima kepimpinan pemimpin tempatan sehingga beliau terpaksa mengambil alih jawatan itu.

+Saya mengambil alih jawatan itu secara bidan terjun dan saya tidak mahu jadi bidan terjun selama-lamanya, + tegas beliau.

Sementara itu Ketua Umno bahagian Kota Bharu Tengku Ahmad Rithauden pula berkata majlis itu diadakan bagi menyatukan semua anggota Umno bahagian tersebut.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Datin Seri Datuk Paduka Siti Hasmah Mohamed Alidan Ketua Menteri Melaka Tan Sri Rahim Thamby Chik. -- Bernama